

TERMA-TERMA DAN SYARAT-SYARAT KEANGGOTAAN RAKYAT XCLUSIVE

Dalam terma dan syarat ini, "Anggota" merujuk kepada anda sebagai Anggota Rakyat Xclusive yang berkelayakan, dan "Bank" merujuk kepada Bank Kerjasama Rakyat Malaysia Berhad (No Pendaftaran: 2192). Sebarang perkhidmatan tambahan yang disediakan oleh Bank kepada anda sebagai Anggota Rakyat Xclusive ditadbir oleh terma-terma dan syarat-syarat ini.

1. Terma Standard untuk Akaun Perbankan

- 1.1. Kecuali dinyatakan sebaliknya setakat yang diperlukan oleh terma-terma dan syarat-syarat ini, ia tidak akan memberi kesan terhadap mana-mana terma perkhidmatan lain, yang dinyatakan atau tersirat, yang mengawal mana-mana Akaun Anggota Xclusive yang lain dengan Bank.
- 1.2. Tertakluk kepada Klausula 1.1, Anggota terikat dengan terma-terma dan syarat-syarat standard yang dikenakan oleh Bank ke atas setiap Akaun berkenaan termasuk mana-mana akaun pembiayaan lain.

2. Kelayakan Anggota

Untuk melayakkan Keanggotaan Rakyat Xclusive dengan Bank, Anggota mesti memenuhi salah satu kriteria kelayakan mengikut jenis keanggotaan yang tertera di bawah:

Keanggotaan	Kelayakan		
	Aset Boleh Dilaburkan*	Gadai janji	Had Kad Kredit
Affluent	RM50,000 hingga RM250,000	RM700,000 hingga RM1.0 juta	RM50,000 hingga RM100,000
Premier	RM250,000 hingga RM2.5 juta	RM1.0 juta hingga RM2.5 juta	RM100,000 hingga RM250,000
Private	Melebihi RM2.5 juta	Melebihi RM2.5 juta	Melebihi RM250,000

**Aset yang boleh dilaburkan* termasuk deposit, pendapatan tetap, ekuiti, dana unit amanah, dana hartanah, amanah pelaburan hartanah dan sebarang pelaburan alternatif dengan Bank.

3. Pengekalan Keanggotaan

- 3.1. Bagi Anggota mengekalkan Keanggotaan Rakyat Xclusive mereka, Anggota perlu memenuhi kriteria keanggotaan yang tertakluk kepada semakan dan/atau perubahan dari semasa ke semasa oleh Bank.
- 3.2. Anggota hendaklah mengekalkan aset boleh dilaburkan/had gadai janji/kad kredit dalam julat yang dinyatakan dalam Klausula 2, dan jika ianya kurang daripada julat minima atau dalam tunggakan selama tiga (3) bulan berturut-turut, Bank akan menarik balik keistimewaan perkhidmatan Rakyat Xclusive yang ditawarkan dan menetapkan semula akaun Anggota dengan sewajarnya. (Selepas itu, Anggota tidak lagi dapat menikmati keistimewaan dan perkhidmatan yang ditawarkan melalui Rakyat Xclusive).
- 3.3. Jika baki kriteria kelayakan seperti yang dinyatakan dalam Klausula 2 terletak di bawah julat minima, pihak Bank akan mengeluarkan notis bertulis kepada Anggota untuk menyelesaikan bayaran tunggakan.

3.4 Sekiranya Anggota gagal mengekalkan kriteria kelayakan seperti yang dinyatakan dalam Klausula 2, peringkat keanggotaan akan ditetapkan semula kepada satu peringkat ke bawah daripada peringkat semasa, atau penarikan balik kelayakan keanggotaan Rakyat Xclusive untuk peringkat awal (Affluent), bersama-sama dengan keistimewaan yang sepatutnya. Anggota akan diberikan notis secara bertulis mengenai tindakan penetapan semula atau penarikan balik keanggotaan.

4. Pengubahsuaian Maklumat Anggota

Anggota hendaklah dengan serta-merta memaklumkan Bank secara notis bertulis tentang apa-apa pengubahsuaian dalam maklumat peribadi Anggota termasuk, alamat, nombor telefon, penandatanganan yang diberi kuasa, atau butir-butir lain yang dibuat dari semasa ke semasa. Sehingga Bank benar-benar menerima pemberitahuan perubahan tersebut, Bank mempunyai hak untuk bergantung kepada maklumat terakhir dan butir-butir lain Anggota yang direkodkan dengan Bank sebelum penerimaan perubahan maklumat, dan dibebaskan daripada sebarang liabiliti kerana bergantung pada perubahan tersebut.

5. Penamatan Keanggotaan Rakyat Xclusive

5.1. Bank boleh pada bila-bila masa menamatkan keanggotaan Rakyat Xclusive tanpa memberikan apa-apa sebab dengan memberikan notis bertulis mengenai penamatan tersebut kepada Anggota.

5.2. Anggota boleh pada bila-bila masa menamatkan keanggotaan Rakyat Xclusive dengan memberi notis bertulis kepada Bank. Penamatan itu hendaklah berkuatkuasa serta-merta pada tarikh penerimaan notis tersebut oleh Bank.

6. Manfaat dan Keistimewaan

Dari semasa ke semasa, Bank akan memperkenalkan produk dan perkhidmatan baru untuk memberi lebih banyak manfaat kepada Anggota. Pengiktirafan Anggota mengikut cara yang disarankan oleh Bank dan penggunaan produk, ciri-ciri, atau perkhidmatan baru atau tambahan tersebut, akan dianggap sebagai penerimaan oleh Anggota atas terma dan syarat produk dan perkhidmatan dan sebarang terma dan syarat tambahan (jika ada) sebagaimana yang ditetapkan oleh Bank. Sebagai sebahagian daripada manfaat menjadi Anggota Rakyat Xclusive, Anggota akan menikmati keistimewaan seperti di bawah:

6.1. Akaun Deposit Premium

6.2. Kadar Istimewa bagi Kiriman Wang

6.3. Pengenaln Kad Kredit-i Platinum Xclusive Explorer Bank dengan keistimewaan melangkaui "Infinite Credit Card"

6.4. Perkhidmatan peribadi oleh Pengurus Perhubungan yang berdedikasi

6.5. Produk Pembiayaan Premium

6.6. Laluan pantas untuk melaksanakan Transaksi Perbankan di mana-mana cawangan dan hab terpilih

6.7. Jemputan keutamaan ke acara khas terpilih yang dianjurkan oleh Bank atau anak syarikatnya

6.8. Akses Khas ke mana-mana Lounge Bank lain

**Keistimewaan yang ditawarkan adalah berbeza mengikut jenis keanggotaan*

***Untuk maklumat lanjut mengenai keistimewaan ini, sila rujuk kepada "Welcome Book" dan Pengurus Perhubungan Terpilih atau lawati www.bankrakyat.com.my*

7. Arahan Komunikasi

Melainkan dinyatakan sebaliknya, apa-apa arahan dan pengesahan oleh Anggota, sama-ada melalui kehadiran langsung, telefon, surat, faksimili, mel elektronik (E-mel), teleks, khidmat pesanan ringkas (SMS), dan/atau apa-apa cara lain yang boleh dilihat oleh Bank untuk penggunaan perkhidmatan Rakyat Xclusive akan dianggap sebagai satu persetujuan yang sah oleh Anggota dan terikat oleh semua Terma dan Syarat yang dinyatakan di sini dan/atau mana-mana terma dan syarat yang dikenakan oleh Bank dari semasa ke semasa.

- 7.1. Anggota memberi kuasa secara jelas kepada Bank untuk melaksanakan transaksi ke atas akaun Anggota berdasarkan arahan yang disampaikan melalui telefon, yang ditandatangani secara bertulis atau ditandatangani melalui komunikasi secara pos, faks, atau sebarang cara yang lain.
- 7.2. Anggota memahami dan bersetuju bahawa sebarang risiko salah komunikasi dan/atau salah faham, kesilapan, atau kerugian yang disebabkan oleh arahan-arahan yang diberikan oleh individu yang tidak diberi kuasa atau sebarang kesilapan kerugian atau kelewatan akibat daripada penggunaan mel, faks, atau apa-apa cara lain adalah sepenuhnya risiko Anggota yang mana Bank tidak akan dipertanggungjawabkan.
- 7.3. Bank tidak akan bertanggungjawab kepada Anggota kerana bertindak atas apa-apa arahan walaupun selepas itu terbukti bahawa perkara yang sama tidak diberikan oleh Anggota.
- 7.4. Anggota dengan ini memberi kuasa kepada Bank untuk menjalani apa-apa arahan yang diberikan atau diberikan sebagai arahan baru walaupun tidak tentu bahawa arahan tersebut adalah pengesahan atau perubahan arahan terdahulu yang diberikan.
- 7.5. Sebarang arahan yang diberikan selepas waktu perniagaan, dari jam 9 pagi hingga 5 petang pada hari Isnin hingga Jumaat, dan ditutup semasa cuti umum, akan diproses pada hari bekerja berikutnya.

8. Perkhidmatan Pihak Ketiga

Dari semasa ke semasa, Bank akan memperkenalkan keistimewaan dan perkhidmatan Rakyat Xclusive lain yang disediakan oleh pihak ketiga kepada Anggota. Sebarang perkhidmatan yang dihantar oleh pihak ketiga adalah tertakluk kepada terma dan syarat pihak ketiga, dan Bank tidak akan bertanggungjawab terhadap sebarang kerugian yang mungkin timbul berkaitan dengan perkhidmatan tersebut.

9. Pertikaian dan Pertanyaan

Sekiranya Anggota mempunyai sebarang pertanyaan atau memerlukan sebarang bantuan, sila rujuk kepada Pengurus Cawangan atau Pengurus Pusat Rakyat Xclusive yang berkenaan untuk bantuan lanjut. Sekiranya Anggota mempunyai sebarang isu, aduan, dan/atau perselisihan pendapat yang timbul daripada Terma dan Syarat ini, sila kemukakan perkara tersebut kepada Pengurus Cawangan atau Pengurus Pusat Rakyat Xclusive masing-masing. Anggota hendaklah menjelaskan jenis siasatan, aduan, dan/atau pertikaian Anggota dan butir-butir atau maklumat lain yang dikehendaki oleh Bank dan hendaklah diperiksa, dikendalikan, dan mengikut prosedur Bank. Semua aduan dan/atau pertikaian

yang timbul adalah benar dan sah dan Anggota hendaklah bertanggungjawab kepada Bank jika tuntutan, aduan, dan/atau pertikaian palsu atau dianggap palsu.

10. Tanggung Rugi

Anggota akan bertanggungjawab terhadap Bank dan menanggung sepenuhnya semua kerugian, kos, dan perbelanjaan secara langsung atau tidak langsung yang mungkin ditanggung oleh Anggota atau Bank berkaitan dengan mana-mana atau semua akaun atau kos berkaitan yang mungkin terlibat disebabkan oleh kemungkiran atau kecuaiannya Anggota terhadap terma dan syarat keanggotaan atau sekiranya mana-mana daripada akaun Anggota Rakyat Xclusive atau sebahagian daripadanya dikurangkan atau dibekukan oleh mana-mana kerajaan atau pihak berkuasa rasmi dan Anggota Rakyat Xclusive mengakui sepenuhnya bahawa Bank mempunyai hak untuk mendebit secara automatik mana-mana atau semua Akaun Anggota Rakyat Xclusive dengan Bank bagi semua kerugian, kos atau perbelanjaan sedemikian seperti yang dinyatakan di dalam ini.

11. Force Majeure

Bank tidak akan bertanggungjawab kepada Anggota sekiranya mereka gagal atau tidak dapat melakukan kewajipan berdasarkan Terma dan Syarat tersebut, di mana penangguhan atau kegagalan dalam melaksanakan kewajipan mereka disebabkan oleh force majeure (iaitu, letupan, kebakaran, bencana alam, epidemik, pandemik, endemik, kegagalan sistem, perang, rusuhan, pergolakan, mogok, sabotaj atau pertikaian buruh lain) atau apa-apa situasi yang di luar kawalan Bank.

12. Kebolehasingan dan Pengabaian

Anggota hendaklah bersetuju bahawa ketaksahan atau tidak boleh dikuatkuasakan mana-mana terma dan syarat di sini tidak akan memprejudiskan atau menjejaskan dalam apa jua cara kesahan atau penguatkuasaan terma dan syarat yang masih tertera di sini. Kegagalan atau kelewatan Bank melaksanakan apa-apa hak di dalam ini tidak akan menghalang Bank daripada melaksanakan seterusnya atau melaksanakan apa-apa hak lain. Hak-hak yang diperuntukkan di dalam ini adalah kumulatif dan termasuk apa-apa hak yang diperuntukkan oleh undang-undang dan Bank bebas untuk melepaskan atau menggabungkan atau bersetuju untuk mengubah liabiliti atau untuk memberi masa atau pertimbangan kepada Anggota atau membuat perkiraan lain dengan sesiapa sahaja tanpa memprejudis atau menjejaskan hak Bank terhadap Anggota Rakyat Xclusive atau sesiapa pun Sebarang pengabaian atau penolakan yang diberikan tidak akan menghalangi Bank untuk melaksanakan bahagian lain dari Terma dan Syarat yang tidak terjejas yang diberikan pengabaian atau penolakan, atau dari menguatkuasakan hak lain dan juga tidak memerlukan Bank untuk memberikan kelonggaran lebih lanjut. Hak dan pemulihan yang disediakan oleh undang-undang tidak dikecualikan dan tidak akan mempengaruhi atau mengubah Terma dan Syarat ini.

13. Hak Cipta Terpelihara dan Hak Harta Intelektual

- 13.1.** Anggota mengakui bahawa semua hak cipta dan hak harta intelek dalam Perkhidmatan Rakyat Xclusive yang disediakan di bawah ini adalah kepunyaan Bank atau, di mana dan apabila berkenaan, ia berkaitan.
- 13.2.** Selain daripada maklumat yang berkaitan dengan akaun Anggota, semua maklumat yang terdapat dalam Perkhidmatan Rakyat Xclusive adalah hak milik Bank atau mana-mana pihak ketiga yang diberi kuasa dan dilindungi oleh hak cipta, cap dagang, atau hak intelektual dan hak milik lain.
- 13.3.** Penggunaan Perkhidmatan Rakyat Xclusive tidak membenarkan Anggota mempunyai lesen atau hak untuk menggunakan cap dagangan, tanda perkhidmatan, hak cipta, paten, atau apa-apa hak harta intelek lain sama ada dilindungi secara rasmi, dipohon, atau sebaliknya, Perkhidmatan Rakyat Xclusive yang disediakan di bawahnya tanpa kelulusan bertulis yang jelas daripada Bank. Di samping itu, penggunaan perkhidmatan Anggota tidak memberikan lesen atau hak kepada Anggota untuk menggunakan mana-mana tanda dagangan pihak ketiga tanpa kelulusan bertulis daripada pihak ketiga yang mempunyai hak untuk tanda dagangan tersebut.

14. Perubahan Terma dan Syarat

Sebarang perubahan, penambahan, pemotongan atau pindaan kepada peruntukan di dalam ini akan dipaparkan di laman sesawang Bank atau dengan menghantar notis bertulis 21 hari atau diiklankan atau dengan apa-apa cara lain yang sesuai. Jika Anggota tidak menerima perubahan Terma dan Syarat, Anggota hendaklah memberitahu Bank secara bertulis dengan segera dan Bank boleh menarik balik mana-mana atau semua perkhidmatan yang diberikan. Jika Anggota meneruskan penggunaan perkhidmatan selepas pemberitahuan, Anggota akan dianggap telah mengakui dan bersetuju dengan perubahan tersebut tanpa sebarang pertikaian.

15. Undang-undang

Terma dan Syarat ini akan ditadbir dan ditafsirkan dalam semua aspek sesuai dengan undang-undang Malaysia.

16. Maklumat Peribadi

Bank akan mengendalikan dan menggunakan data peribadi Anggota selaras dengan Akta Perlindungan Data Peribadi (PDPA) 2010 dan dilindungi dan dikawal selia oleh Akta Institusi Kewangan Pembangunan (DFIA) 2002, Seksyen 119 untuk memastikan kerahsiaan maklumat peribadi Anggota dan melindungi data peribadi Anggota daripada mendedahkan kepada mana-mana pihak yang tidak dibenarkan atau penggunaan yang dilarang.

17. Versi

Jika terdapat apa-apa percanggahan di dalam terjemahan Terma dan Syarat ini di antara versi Bahasa Malaysia dan Bahasa Inggeris, versi Bahasa Inggeris Terma dan Syarat ini akan terpakai.